

TARIKH : 7 JULAI 2025
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA : 20
SURAT

Kos pinjaman dijangka terus menurun

Bisnes

Kos pinjaman dijangka terus menurun

**Keputusan BNM
kurangkan Kadar
Rizab Berkanun
100 mata asas
tunjuk kesan positif**

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Kos pinjaman di Malaysia dijangka akan terus menurun pada bulan-bulan akan datang, sekali gus memberi khabar baik dan potensi kelegaan kepada peminjam sedia ada serta mereka yang merancang untuk membuat pinjaman.

Ramalan ini dibuat berdasarkan analisis CIMB Treasury and Markets Research, yang melihat kepada kejayaan langkah Bank

Negara Malaysia (BNM) baru-baru ini serta potensi tindakan susulan bagi merancakkan lagi ekonomi domestik.

Menurut laporan itu, keputusan BNM untuk menurunkan Kadar Rizab Berkanun (SRR) sebanyak 100 mata asas pada 16 Mei lalu menunjukkan kesan positif.

Langkah itu menyuntik kecairan sebanyak RM19 bilion ke dalam sistem perbankan negara, satu tindakan yang nyata melonggarkan tekanan terhadap kos dana bagi institusi kewangan.

Kesan langsung daripada tindakan itu dapat dilihat melalui penurunan kadar antara bank.

Jurang antara Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) tiga bulan dengan Kadar Dasar Semalaman (OPR), yang menjadi salah satu petunjuk utama kos pinjaman menyusut kepada 49 mata asas.

Walaupun kadar ini menurun, ia masih lebih tinggi berbanding

julat sebelum pandemik, iaitu antara 35 hingga 45 mata asas.

Ini memberi bayangan bahawa masih ada ruang yang luas untuk kos pembiayaan menjadi lebih rendah.

Sokong permintaan domestik
Penganalisis CIMB percaya BNM berkemungkinan akan mengambil langkah tambahan untuk mengukuhkan lagi penyaluran monetari dan membimbing kos dana ke arah yang lebih rendah.

Ini boleh membabitkan pelarasan selanjutnya kepada SRR atau operasi pasaran wang lain.

Potensi penurunan ini dijangka menjadi lebih ketara sekiranya ia didahului pemotongan OPR, yang kini semakin dijangkakan oleh pasaran.

Data sejarah menunjukkan bahawa KLIBOR lebih sensitif terhadap penurunan SRR apabila ia berlaku dalam kitaran pelonggaran monetari yang lebih ketara

atau selepas OPR diturunkan.

Dengan jangkaan pemotongan OPR, penganalisis meramalkan jurang KLIBOR-OPR berpotensi untuk mengecil menghampiri paras 35 mata asas dalam beberapa bulan akan datang.

Langkah proaktif ini dilihat penting bagi menyokong permintaan domestik dan menyediakan penampakan kepada segmen ekonomi yang terdedah kepada ketidakpastian perdagangan global.

Ketika ini, pertumbuhan deposit dalam ringgit yang kurang memberangsangkan turut mengukuhkan keperluan bagi sokongan dasar untuk meredakan tekanan pembiayaan domestik.

Justeru, sebarang tindakan pelonggaran monetari oleh BNM pada masa hadapan bakal diterjemahkan kepada kos pinjaman lebih rendah, sekali gus memberi kelegaan kewangan yang amat dialu-alukan rakyat dan sektor perniagaan di seluruh negara.